

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' OTHMAN BIN AZIZ
(JERLUN)**
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 24.05.2016

Y.B. DATO' OTHMAN BIN AZIZ [JERLUN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan aspirasi program GREAT (Gabungan Rakan Entreprenuer Aspirasi Terhebat) untuk memberi pendedahan berkaitan pasaran dan perkembangan ekonomi bagi membantu usahawan muda di negara ini dan apakah bentuk kerjasama yang dijalankan dengan agensi berkaitan bagi menggalakkan usahawan muda berdaya saing di peringkat global.

JAWAPAN

Jawapan kepada YB Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]

- Program GREAT, atau “Gabungan Rakan Entrepreneur, Aspirasi Terhebat” merupakan program keusahawanan yang mana objektif utama adalah untuk membentuk satu platform dalam ekosistem untuk usahawan meningkatkan keupayaan kemahiran, menjalinkan kerjasama dan kolaborasi antara usahawan, mengadakan usahasama dengan usahawan lain dan bertukar-tukar fikiran. Selain itu, GREAT menyediakan peluang untuk mengembangkan peluang keusahawanan ke peringkat lebih tinggi melalui penubuhan *ASEAN Centre of Entrepreneurship (ACE)*. Semasa program GREAT diadakan, pelbagai agensi keusahawanan juga telah turut terlibat dalam membantu para usahawan melalui khidmat nasihat, penyediaan dana, peluang pasaran dan sebagainya. Program dua hari ini meliputi tujuh kategori iaitu keusahawanan belia, keusahawanan sosial, keusahawanan agro dan makanan halal, servis dan runcit, fesyen, pelancongan dan kebudayaan, keusahawanan wanita serta *green tech*.
- Kementerian Kewangan berpandangan bahawa menerusi pelbagai inisiatif berfokus serta program yang berterusan, potensi dan minat lebih ramai belia Malaysia dalam bidang keusahawanan sama ada *‘high growth’* atau keusahawanan

sosial dapat dicungkil dan diketengahkan. Dalam jangka panjang, penglibatan aktif serta minat belia-belia dalam bidang keusahawanan ini akan dapat membantu dari segi peningkatan pendapatan isi rumah, meluaskan kuantiti dan kualiti peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan negara.

- Kerajaan sentiasa konsisten dalam agenda membangun dan melahirkan usahawan-usahawan yang maju dan berdaya saing hingga di peringkat global. Buktinya jelas nyata dengan peruntukan dan berjenis-jenis mekanisme sokongan dan dasar-dasar keusahawanan untuk para usahawan, termasuklah pembiayaan, infrastruktur fizikal, khidmat nasihat perniagaan dan usaha-usaha penggalakan inovasi. Kerajaan tidak pernah teragak-agak daripada terus menambahbaik ekosistem ini secara progresif. Menerusi maklum balas dan pengalaman, ekosistem ini diperhalusi dan diperkukuhkan dari semasa ke semasa.

- Di peringkat domestik, pelbagai langkah menggalakkan kemahiran keusahawanan dan merangsang inovasi telahpun lama bermula. Dalam Bajet 2016 sahaja, sejumlah RM5.1

billion telah diperuntukkan bagi pelbagai langkah untuk mendayaupayakan keusahawanan. Pilihan-pilihan pembiayaan disediakan merangkumi tahap perniagaan dan sektor industri yang lebih meluas. Program pementoran oleh pakar juga disediakan untuk membantu syarikat-syarikat permulaan maju ke depan dan membesar. Di peringkat serantau dan antarabangsa pula, akses pasaran lebih luas kini wujud untuk produk Malaysia pada bebas duti kastam ataupun lebih rendah berbanding dahulu, di mana standard dan pensijilan menjadi cabaran, latihan dan pemudahcaraan disediakan.

- Kesimpulannya, kerajaan terus komited dalam membangunkan usahawan-usahawan tempatan, sama ada di bandar mahupun di luar bandar serta dalam kalangan belia ataupun yang bukan lagi belia.